

PENGENDALIAN DATA

1. Padankan data yang berikut dengan kaedah pengumpulan data yang relevan.

a Cara murid datang ke sekolah. •

b Program televisyen yang digemari oleh setiap murid. •

c Bilangan kereta yang melalui satu persimpangan jalan raya setiap jam. •

d Suhu air panas yang menyejuk setiap lima minit. •

e Masa hayat sebiji bateri. •

f Populariti seorang penyanyi. •

g Tahap pencemaran udara. •

Tinjauan

Eksperimen

Pemerhatian

Temu bual

- o Terdapat dua jenis data numerik :

Data Diskret	Data Selanjar
Data diskret diperoleh secara membilang. Misalnya, bilangan pekerja asing di sebuah kilang ialah 125 orang.	Data Selanjar diperoleh secara mengukur atau menyukat. Misalnya, tinggi murid dalam sebuah kelas ialah 125.5cm, 137.0 cm, 140.5 cm...

2. Di bawah ialah data numerik. Tandakan '✓' di ruang yang betul.

	Data diskret	Data selanjar
Suhu badan setiap murid		
Bilangan pokok yang ditanam di setiap daerah		
Bilangan setem yang dikumpul oleh setiap murid		
Masa penggunaan internet		
Panjang cacing tanah		
Bilangan pelancong ke Muzium Negara setiap bulan		
Pendapatan tahunan		

3. Padankan data dengan perwakilan data yang paling sesuai.

(a)

Suhu, dalam °C, di beberapa tempat:		
28.5	30.1	28.7
29.6	29.2	30.0
28.3	30.4	29.5

Carta palang

Carta palang digunakan untuk perbandingan antara beberapa kategori.

(b)

Bilangan penghuni sebuah rumah di suatu kawasan kediaman:					
Bilangan penghuni	1	2	3	4	5
Kekerapan	30	66	101	57	49

Carta pai

Carta pai digunakan untuk mewakili data sebagai sebahagian daripada keseluruhan dan memaparkan perbezaan antara kategori.

(c)

Bilangan pingat yang dimenangi oleh suatu kontingen dalam sukan negeri:		
Emas	Perak	Gangsa
20	30	40

Graf garis

Graf garis digunakan untuk memaparkan trend suatu data dalam tempoh masa tertentu.

(d)

Kadar dividen yang diberi oleh sebuah syarikat kepada pelabur:			
2012	2013	2014	2015
4%	7%	5%	10%

Plot batang-dan-daun

Plot batang-dan-daun digunakan untuk memaparkan hubungan antara dua set data.